



Tue August 29, 2006

Oleh/By : **DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**
Tempat/Venue : **PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA**
Tarikh/Date : **25/08/2006**
Tajuk/Title : **SAMBUTAN HARI WANITA PERINGKAT KEBANGSAAN 2006**

DIBACA OLEH YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YB DATO' SRI SHAHRIZAT ABD JALIL
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

YB TIMBALAN MENTERI DAN SETIAUSAHA PARLIMEN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

YBHG. DATUK FAIZAH MOHD TAHIR
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN

DIF-DIF KEHORMAT

PUAN-PUAN DAN TUAN-TUAN YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN IZIN-NYA, KITA DAPAT HADIR DI MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA 2006 YANG PENUH BERMAKNA INI. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR, IAITU KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT, KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA UNTUK MERASMIKAN MAJLIS SAMBUTAN HARI WANITA KEBANGSAAN SEKALI LAGI PADA TAHUN INI. SESUNGGUHNYA, SAMBUTAN HARI WANITA YANG DIADAKAN TIAP-TIAP TAHUN INI MENCERMINKAN KOMITMEN DAN KEIHKLASAN KERAJAAN DALAM MENGIKTIRAF SUMBANGAN PENTING GOLONGAN WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

2. SAYA JUGA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PARA JEMPUTAN YANG HADIR PADA PETANG INI. SAYA DIFAHAMKAN PARA HADIRIN JUGA TERDIRI DARIPADA T.Y.T. DUTA-DUTA ASING DAN JUGA PARA PESERTA KURSUS YANG MENGHADIRI LATIHAN "GENDER AND DEVELOPMENT" ANJURAN "N.A.M. INSTITUTE FOR THE EMPOWERMENT OF WOMEN".

3. TO THOSE WHO ARE JOINING US TODAY AS PART OF THE "GENDER AND DEVELOPMENT" COURSE ORGANISED BY THE "N.A.M. INSTITUTE FOR THE EMPOWERMENT OF WOMEN", I BID YOU WELCOME TO MALAYSIA. FROM YOUR VISIT AND FROM YOUR DISCUSSIONS HERE, I AM SURE THAT YOU HAVE NOTED THE IMPORTANT ROLE AND CONTRIBUTION OF WOMEN IN MALAYSIA TOWARDS THE NATION'S DEVELOPMENT. OF COURSE, MUCH MORE CAN AND SHOULD BE DONE TO STRENGTHEN THE ROLE OF WOMEN IN NATION-BUILDING, BUT AT THE SAME TIME, IT MUST BE ACKNOWLEDGED THAT MALAYSIAN WOMEN HAVE COME A LONG WAY. IN THAT VEIN, I AM PLEASED TO NOTE THE PROGRESS OF THE "N.A.M. INSTITUTE FOR THE EMPOWERMENT OF WOMEN", WHICH I HAD THE HONOUR OF LAUNCHING AT THE "N.A.M. MINISTERIAL MEETING ON THE ADVANCEMENT OF WOMEN" LAST YEAR IN PUTRAJAYA. IT IS HEARTENING TO SEE THAT THE INSTITUTE IS ALREADY TAKING THE EMPOWERMENT AGENDA FORWARD AT AN INTERNATIONAL LEVEL.

PUAN-PUAN DAN TUAN-TUAN SEKELIAN,

4. TAHUN INI MERUPAKAN SALAH SATU TAHUN YANG KRITIKAL DAN BERSEJARAH BAGI MALAYSIA. BEBERAPA DOKUMEN PENTING SEPERTI RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN DAN PELAN INDUK PERINDUSTRIAN KETIGA TELAH DIPERKENALKAN BAGI MENGGERAKKAN AGENDA PEMBANGUNAN NEGARA KE ARAH WAWASAN 2020. SATU LANDASAN KERJA JUGA TELAH DIPERKENALKAN, IAITU MISI NASIONAL YANG TERDIRI DARIPADA 5 TERAS UTAMA, BAGI MEMANDU SEGALA USAHA KITA KE ARAH MENCAPAI STATUS NEGARA MAJU.

5. MALAYSIA MENGIKTIRAF BAHAWA PENGUPAYAAN WANITA SERTA PENGLIBATAN WANITA SECARA AKTIF DAN LANGSUNG DI DALAM SEMUA ASPEK PEMBANGUNAN ADALAH AMAT PENTING DAN HARUS TERUS DIPERTINGKATKAN. MALAYSIA TELAH PUN MENCAPAI PELBAGAI KEJAYAAN DALAM PERKARA INI, NAMUN MASIH BANYAK LAGI USAHA YANG PERLU KITA LAKSANAKAN BAGI MENANGANI SEBARANG KETIDAKSEIMBANGAN GENDER YANG MASIH ADA DI DALAM SEMUA SEKTOR, BAIK POLITIK, EKONOMI MAHUPUN SOSIAL.

6. PADA SAYA, PERJUANGAN UNTUK MENINGKATKAN TARAF DAN KEDUDUKAN WANITA BAGI MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER TIDAK AKAN DIPEROLEHI SEPENUHNYA SEKIRANYA RAKYAT MASIH TIDAK MEMAHAMI KONSEP GENDER DAN SETERUSNYA, TIDAK MENERAPKANNYA DALAM SEMUA PROSES PEMBANGUNAN NEGARA. KONSEP GENDER BERKAITRAPAT DENGAN TANGGAPAN DAN PERSEPSI MASYARAKAT TERHADAP TUGAS DAN PERANAN ANTARA WANITA DAN LELAKI. ADAKALANYA TANGGAPAN DAN PERSEPSI TERSEBUT BETUL, DAN ADAKALANYA IA TIDAK ADIL KEPADA SATU PIHAK, TERUTAMANYA DALAM SUASANA DUNIA YANG PESAT BERUBAH. SEBAGAI CONTOH, PADA SATU MASA DAHULU, TARAF PENDIDIKAN WANITA TIDAK SETINGGI WARGA LELAKI, TETAPI KINI, WANITA MENDAHULUI LELAKI DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI. DENGAN PERUBAHAN KEUPAYAAN WANITA, TANGGAPAN MASYARAKAT TERHADAP PERANAN WANITA JUGA HARUS BERUBAH.

7. CABARAN UTAMA NEGARA KITA IALAH UNTUK MERUBAH TANGGAPAN, PERSEPSI SERTA MENTALITI MASYARAKAT SUPAYA SESUAI DENGAN SITUASI BARU. DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN WANITA, PERUBAHAN MENTALITI MASYARAKAT TERHADAP PERANAN DAN SUMBANGAN WANITA MERUPAKAN SALAH SATU SYARAT UNTUK MENJADI MASYARAKAT YANG MEMILIKI MENTALITI KELAS PERTAMA. KITA SEMUA, TERMASUKLAH GOLONGAN WANITA SENDIRI, HARUS MENYEDARI BAHAWA WANITA HARI INI BUKAN HANYA BERPERANAN SEBAGAI IBU, ISTERI DAN PENGURUS TUGAS-TUGAS RUMAHTANGGA TETAPI JUGA BERPERANAN SEBAGAI PEKERJA, USAHAWAN DAN PENYUMBANG EKONOMI, SEIRING BERSAMA GOLONGAN LELAKI. INI BERMAKNA TANGGAPAN TERHADAP PERANAN GOLONGAN LELAKI JUGA HARUS BERUBAH, DARIPADA PENYUMBANG EKONOMI SEMATA-MATA, KEPADA RAKAN KONGSI YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM HAL-HAL RUMAHTANGGA JUGA. JIKA TANGGAPAN-TANGGAPAN INI TERSEBAR KE SELURUH MASYARAKAT, SAYA PASTI NEGARA KITA AKAN MELANGKAH DENGAN LEBIH MAJU LAGI, DAN JUGA DENGAN LEBIH HARMONI.

PUAN-PUAN DAN TUAN-TUAN SEKELIAN,

8. SAYA SERING MENEKANKAN PENGLIBATAN WANITA KERANA TENAGA MANUSIA ATAU MODAL INSAN ITU ADALAH ELEMEN PALING KRITIKAL DALAM MENCAPAI MISI NASIONAL. PROSES GLOBALISASI YANG BERKEMBANG PESAT MEMERLUKAN KITA UNTUK MENINGKATKAN DAYA SAING DAN DAYA TAHAN NEGARA. BAGI MENINGKATKAN DAYA SAING DAN DAYA TAHAN, KITA HARUS MENGGUNAKAN SEGALA MODAL INSAN YANG ADA DENGAN CEKAP DAN BERKESAN. INI MENUNTUT KITA MENGGEMBELING SEMUA SUMBER TENAGA MANUSIA YANG ADA, TERMASUK SUMBER TENAGA WANITA. DENGAN ITU, PEMBANGUNAN MODAL INSAN, TERMASUK MEMPERKASAKAN PERANAN WANITA, HARUS DIJADIKAN TERAS UTAMA

PEMBANGUNAN.

9. DISEBABKAN OLEH "HISTORICAL DISADVANTAGE" YANG DIALAMI OLEH GOLONGAN WANITA, MAKA INISIATIF DAN PROGRAM-PROGRAM YANG SEWAJARNYA HARUS DIAMBIL SUPAYA GOLONGAN WANITA DAPAT MENAMBAH NILAI KEPADA DIRI MEREKA UNTUK MENJADI GOLONGAN YANG LEBIH BERPENGETAHUAN, BERKEMAHIRAN DAN INOVATIF. WANITA HENDAKLAH MEREKUT PELUANG-PELUANG YANG TELAH DISEDIAKAN INI DENGAN MENCEBURKAN DIRI DALAM PELBAGAI SEKTOR DAN DI SEMUA PERINGKAT. MEREKA PERLU TERUS MENGGILAP BAKAT DAN MENGASAH KEUPAYAAN MEREKA SERTA MENINGKATKAN LAGI KUALITI DAN KEMAHIRAN MEREKA DALAM PELBAGAI BIDANG. KINI, TERDAPAT PROGRAM-PROGRAM TERTENTU YANG DISEDIAKAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN, AGENSI YANG BERKAITAN SERTA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN YANG MEMBERI PELUANG KEPADA WANITA UNTUK MENCEBURI BIDANG-BIDANG PROFESIONAL DAN KEUSAHAWANAN. JIKA GOLONGAN WANITA BIJAK MEREKUT PELUANG-PELUANG INI, SAYA PERCAYA WANITA AKAN DAPAT MENINGKATKAN KEUPAYAAN MEREKA DENGAN LEBIH BAIK LAGI DAN TIDAK AKAN KETINGGALAN DALAM ARUS GLOBALISASI YANG PESAT BERKEMBANG.

10. BAGI MEREKA YANG INGIN BEKERJA DARI RUMAH, KONSEP "PEJABAT DI RUMAH" YANG TELAH DIPERKENALKAN OLEH KEMENTERIAN BOLEH DIJADIKAN ASAS. SESUNGGUHNYA, BEKERJA DARI RUMAH, LEBIH-LEBIH LAGI BEKERJA SENDIRI AMAT DIGALAKKAN BAGI WANITA YANG MEMPUNYAI KELUARGA. IA MERUPAKAN SALAH SATU LANGKAH MENERAPKAN NILAI KEUSAHAWANAN DAN PERUBAHAN MINDA SUPAYA MELIHAT CARA BEKERJA TERSEBUT SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA MASALAH PENJAGAAN ANAK-ANAK SEWAKTU KELUAR BEKERJA.

PUAN-PUAN DAN TUAN-TUAN SEKELIAN,

11. KERAJAAN TETAP KOMITED UNTUK TERUS MENGGERAKKAN AGENDA PEMBANGUNAN DAN PEMERKASAAN WANITA AGAR MEREKA DAPAT MENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI SERTA MENAMBAH PENDAPATAN DAN MENINGKATKAN KUALITI HIDUP MASING-MASING. KESAKSAMAAN GENDER MERUPAKAN SALAH SATU AGENDA PENTING DALAM USAHA KERAJAAN MENCAPAI OBJEKTIF MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU BERLANDASKAN PEMBANGUNAN SEIMBANG DAN BERDASARKAN PRINSIP-PRINSIP UNIVERSAL ISLAM HADHARI. JUSTERU ITU, USAHA STRATEGIK PERLU DIAMBIL BAGI MENARIK LEBIH RAMAI WANITA UNTUK MENYERTAI BIDANG PEKERJAAN.

12. SELARAS DENGAN TUMPUAN KERAJAAN UNTUK MENGGALAKKAN PENYERTAAN LEBIH RAMAI WANITA DALAM PEKERJAAN, SAYA BERHARAP AGAR BANYAK LAGI USAHA AKAN DIAMBIL UNTUK MENGHAPUSKAN SEBARANG PREJUDIS DAN DISKRIMINASI DI TEMPAT KERJA. PELAKSANAAN DASAR-DASAR YANG SENSITIF TERHADAP ISU GENDER PERLU DIJADIKAN AMALAN SETIAP ORGANISASI TERMASUKLAH PENYEDIAAN KEMUDAHAN SEPERTI TEMPAT PENJAGAAN KANAK-KANAK. KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN INSENTIF BAGI MENGGALAK PIHAK MAJIKAN UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN TERSEBUT, NAMUN MASIH RAMAI LAGI YANG TIDAK BERBUAT DEMIKIAN. SEMUA SEKTOR, BAIK SEKTOR AWAM ATAUPUN SEKTOR SWASTA, PERLU MEMAHAMI BAHAWA USAHA UNTUK MEWUJUDKAN PERSEKITARAN YANG POSITIF DAN "MESRA-GENDER" MERUPAKAN LANGKAH PENTING DALAM USAHA MENINGKATKAN MODAL INSAN DI DALAM NEGARA. DALAM HAL INI, SAYA INGIN PIHAK KEMENTERIAN BERUSAHA DENGAN LEBIH GIAT LAGI BERSAMA PIHAK MAJIKAN, TERUTAMANYA DALAM USAHA UNTUK MENYEDIAKAN TEMPAT PENJAGAAN KANAK-KANAK DI TEMPAT KERJA. SESUNGGUHNYA, KITA PERLU MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH KONKRIT KE ARAH MEMBANTU WANITA DI TEMPAT KERJA.

13. DENGAN ITU, SAYA BERPENDAPAT TEMA SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2006 IAITU "KESAKSAMAAN GENDER, RAKYAT SEJAHTERA" MERUPAKAN PILIHAN YANG

TEPAT DAN BERMAKNA SEKALI. MODAL INSAN WANITA BEGITU PENTING DAN DIPERLUKAN UNTUK MENCAPAI PERPADUAN, MEMELIHARA HIDUP YANG HARMONI DAN MENCIPTA SATU MASYARAKAT YANG SEJAHTERA, DI MANA KEMAKMURAN NEGARA AKAN DAPAT DINIKMATI BERSAMA SECARA LEBIH ADIL DAN SAKSAMA.

14. PEMBANGUNAN DAN KESAKSAMAAN GENDER DALAM PELBAGAI BIDANG SAMADA POLITIK, EKONOMI, SOSIAL DAN BUDAYA MERUPAKAN SATU MATLAMAT YANG MESTI DICAPAI, BUKAN HANYA KERANA IA MEMBAWA MANFAAT KEPADA WANITA, TETAPI KERANA IANYA DAPAT MENYUMBANG KEPADA PENINGKATAN MUTU HIDUP RAKYAT KESELURUHANNYA. WALAUPUN BEGITU, SERINGKALI MATLAMAT INI TIDAK TERCAPAI KERANA KURANG KESEDARAN SERTA BIMBINGAN MENGENAI BAGAIMANA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT KESAKSAMAAN GENDER.

15. OLEH ITU, SAYA MENGALU-ALUKAN LANGKAH PIHAK KEMENTERIAN UNTUK MENERBITKAN "BUKU PANDUAN BAJET GENDER" YANG BAKAL DIRASMIKAN SEBENTAR LAGI. BUKU PANDUAN INI MENGGARISKAN SECARA LEBIH TERPERINCI CARA-CARA PELAKSANAAN BAJET BERDASARKAN KEPERLUAN GENDER. INI MERUPAKAN SATU LAGI LANGKAH POSITIF DALAM USAHA KERAJAAN UNTUK MENCAPAI "GENDER MAINSTREAMING", KE ARAH PEMERKASAAN WANITA DAN KESAKSAMAAN GENDER DI DALAM NEGARA.

16. WALAU BAGAIMANAPUN, PENGALAMAN TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA KESAKSAMAAN GENDER TIDAK DAPAT DIWUJUDKAN MELALUI PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG DAN DASAR-DASAR SAHAJA. SIKAP DAN MINDA MASYARAKAT TERHADAP PERANAN WANITA DI DALAM MASYARAKAT JUGA HARUS DIUBAH. HANYA DENGAN PERUBAHAN MINDA DAN SOKONGAN PADU MASYARAKAT AKAN DAPAT KITA MEREALISASIKAN ASPIRASI KESAKSAMAAN GENDER YANG SEBENAR, YAKNI SALING MENGIKTIRAF DAN SALING MENGHORMATI ANTARA LELAKI DAN WANITA. JUSTERU ITU, SAYA MENYERU SEMUA PIHAK, DARI PERINGKAT ATASAN, TERMASUKLAH AHLI POLITIK, PEGAWAI TINGGI KERAJAAN DAN PEMIMPIN KORPORAT, BESERTA SELURUH PERINGKAT AKAR UMBI UNTUK TERUS MENYOKONG DAN BEKERJASAMA DENGAN PIHAK KEMENTERIAN KE ARAH MENCAPAI KESAKSAMAAN GENDER.

17. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PIHAK KEMENTERIAN DI ATAS PELANCARAN RADIO WANITA "W.F.M.". MUDAH-MUDAHAN SALURAN INI AKAN MENJADI SUMBER MAKLUMAT DAN MEDAN PERBINCANGAN YANG BERGUNA BAGI GOLONGAN WANITA DI MALAYSIA. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA JABATAN PEMBANGUNAN WANITA DI ATAS PENERBITAN MAJALAH BARU BERTAJUK "HER VOICE" YANG MEMAPARKAN ISU-ISU WANITA DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN NEGARA. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA ISU PERTAMA MAJALAH TERSEBUT MENGANALISA PERSPEKTIF GENDER DALAM RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN. SYABAS, DAN SAYA BERHARAP MAJALAH "HER VOICE" ITU AKAN BERJAYA MENYUARAKAN ASPIRASI WANITA MENGENAI HALA TUJU NEGARA, DALAM KITA SAMA-SAMA MEMBANGUNKAN BANGSA DAN TANAH AIR.

18. MAKA DENGAN ITU, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PELANCARAN "RADIO WANITA", MAJALAH "HER VOICE", "BUKU PANDUAN BAJET GENDER" SERTA "SAMBUTAN HARI WANITA TAHUN 2006".

SEKIAN, TERIMA KASIH.